

1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
November/Disember
Kriteria Penskoran
dan Perincian
Pemarkahan
2022



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2022**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

**KRITERIA PENSKORAN DAN
PERINCIAN PEMARKAHAN**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 21 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**[30 markah]**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p>26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)</p>	<p>Tema/Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan • Huraihan jelas dan matang. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik sesuai dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Wacana lengkap. • Pemerengganan sesuai. <p>* Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.</p>

[Lihat halaman sebelah
SULIT

PERINGKAT	MARAKAH	KRITERIA
Kepujian	<p>20 – 25</p> <p>(23 – 25)</p> <p>(20 – 22)</p>	<p>Tema/Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan • Huraian jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Wacana lengkap. • Pemerengganan sesuai.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	<p style="text-align: center;">15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)</p>	<p>Tema/Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan • Huraian masih jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan. • Wacana masih lengkap. • Pemerengganan masih sesuai.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Penguasaan Minimum	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<p>Tema/Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea kurang relevan dengan rangsangan / tugas. Huraian kurang jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Penggunaan kosa kata terhad. Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan kurang menarik. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. Wacana kurang lengkap. Pemerengganan kurang sesuai.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	<ul style="list-style-type: none"> Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka
[70 markah]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, *impression* akan turun. – **PERINGKAT KEPUJIAN**
 - b. Melebihi 500 patah perkataan. – **PERINGKAT CEMERLANG BAWAH**
 - a. Pemarkahan hanya diberi sehingga 500 bilangan patah perkataan sahaja. Buat garisan panjang bagi bilangan patah perkataan yang melebihi 500 patah perkataan.
3. Cara menanda kesalahan isi, ejaan, dan tanda baca :

()	= Kesalahan isi
—	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
○	= Kesalahan tanda baca

[Lihat halaman sebelah

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan: <ul style="list-style-type: none"> - kata (morphologi) - ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> • Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian / bahasa / hujahan / contoh) • Kerelevan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerengganan • Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

BAHAGIAN B : Karangan Respon Terbuka**(70 Markah)**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p style="text-align: center;">64 – 70</p> <p style="text-align: center;">(68 – 70)</p> <p style="text-align: center;">(64 – 67)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas • Huraian jelas dan matang • Contoh yang sesuai amat menarik dari segi keindahan bahasa <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat • Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat • Ejaan dan tanda baca yang betul • Penggunaan unsur bahasa bervariasi • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan • Pemerengganan yang sesuai • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan • Laras bahasa sesuai dengan tugas

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas • Huraian jelas • Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat • Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat • Ejaan dan tanda baca yang betul • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan • Pemerengganan yang sesuai • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan • Laras bahasa sesuai dengan tugas

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Baik	<p style="text-align: center;">45 – 54</p> <p>(50 – 54)</p> <p>(45 – 49)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas • Huraian masih jelas • Contoh masih sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalaahan yang minimum • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai • Penggunaan kosa kata umum • Ejaan dan tanda baca masih betul • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik • Pemerengganan masih sesuai • Wacana masih lengkap • Laras bahasa sesuai mengikut tugas

[Lihat halaman sebelah
SULIT

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih / kurang menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas • Huraian kurang jelas • Contoh kurang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat kurang gramatis • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad • Penggunaan kosa kata umum dan terhad • Ejaan dan tanda baca masih betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kurang menarik • Pemerengganan kurang sesuai • Wacana masih / kurang lengkap • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Penguasaan minimum	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk • Huraian tidak jelas / tidak berkembang • Contoh yang tidak sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad • Terdapat kesalahan Ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan tidak menarik • Pemerengganan tidak sesuai / tidak seimbang • Wacana tidak lengkap

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	<p>1 – 20 (11 – 20) (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami • Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik • Pemerengganan tidak sesuai dan tidak seimbang • Wacana tidak lengkap

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

PANDUAN PEMERIKSAAN

BAHAGIAN A

&

BAHAGIAN B

BAHAGIAN A**Format surat rasmi****TEMA – PENDIDIKAN UNTUK SEMUA****TUGASAN – Permohonan Kebenaran dan Tujuan lawatan diadakan (Dalam Bahan Rangsangan)**

Tujuan

1. Jika calon menyentuh semua bahan dan menambah idea sendiri. – **Diterima dan diperiksa seperti biasa**
2. Jika calon hanya menyentuh satu atau dua isi yang ada dalam bahan tetapi diuraikan dengan jelas berdasarkan tema. – **Maksimum Peringkat KEPUJIAN**
3. Jika calon tidak menggunakan isi-isi yang ada dalam bahan. – **Maksimum Peringkat KEPUJIAN**
4. Jika calon tidak menulis mengikut format surat rasmi. – **Maksimum Peringkat MEMUASKAN**
5. Calon menulis lebih daripada 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir. – **Maksimum Peringkat KEPUJIAN**
6. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – **Maksimum Peringkat MEMUASKAN**

[Lihat halaman sebelah
1103/1(PP) © 2022 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan **SULIT**

BAHAGIAN B

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Sesiapapun tidak menafikan **budaya membaca antara kunci kecemerlangan dan mampu mengubah corak kehidupan seseorang**. Apatah lagi melalui pembacaanlah pelbagai ilmu ditimba khususnya insan bergelar pelajar. Dalam mendepani cabaran kecanggihan teknologi, budaya membaca seharusnya terus disemai kepada pelbagai lapisan usia. Pengarah program Ilmu Tautan Kasih, Behoney Low Lee Tong berkata, sebanyak 2,927 buku kanak-kanak pelbagai bahasa telah disumbangkan oleh Perpustakaan Negara kepada perpustakaan awam dan beberapa buah sekolah.

Sumber : Harian Metro.com.my, 5 Ogos 2019

SOALAN

Sebagai respons terhadap kandungan petikan akhbar di atas, aktiviti membaca seharusnya menjadi amalan masyarakat kerana bangsa membaca bangsa yang berjaya.

Jelaskan kepentingan-kepentingan amalan membaca kepada masyarakat.

Kehendak / tugasannya soalan

1. Calon dikehendaki memberi respons akan kepentingan-kepentingan amalan membaca seharusnya menjadi amalan masyarakat kerana bangsa membaca bangsa yang berjaya seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu
 - budaya membaca antara kunci kecemerlangan dan mampu mengubah corak kehidupan seseorang.
 - melalui pembacaanlah pelbagai ilmu ditimba khususnya insan bergelar pelajar.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon memberi respons amalan membaca dengan menyentuh kepentingannya kepada masyarakat dan pelajar serta dikaitkan dengan maklumat dalam petikan – peringkat CEMERLANG
2. Calon hanya menyentuh kepentingan amalan membaca kepada masyarakat sahaja – terima seperti biasa
3. Calon memberi respons amalan membaca secara umum sahaja iaitu tanpa menyentuh kepentingannya secara khusus kepada masyarakat dan pelajar– maksimum peringkat KEPUJIAN

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Cadangan Jawapan :

1. Anggota masyarakat atau seseorang pelajar akan dapat menambah ilmu pengetahuan dalam pelbagai perkara
2. Amalan membaca akan membantu menambahkan perbendaharaan kata yang kita miliki. (masyarakat atau pelajar)
3. Amalan membaca dapat membantu pelajar lulus dengan keputusan yang cemerlang serta mengubah corak kehidupan
4. Anggota masyarakat yang mengamalkan amalan membaca akan dapat memenuhi masa lapang dengan perkara berfaedah.
5. Budaya membaca dapat membantu memajukan masyarakat dan negara.
6. Dapat mewujudkan masyarakat yang rajin membaca (ulat buku).

*Idea lain yang relevan boleh diterima

2

Pendidikan TVET merupakan laluan yang penting bagi negara seperti Malaysia untuk **malahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi, dan mampu menghadapi saingan pada peringkat global dan serantau serta sentiasa relevan dengan keperluan semasa**. Sebagai remaja, peluang mengikuti pengajian yang berkaitan dengan TVET **mampu membentuk kemahiran tertentu yang bersesuaian dengan keperluan semasa dalam pasaran pekerjaan**.

Sumber: Dewan Siswa 06/2015

SOALAN

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Bincangkan kebaikan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada para pelajar dan negara.

Kehendak / tugasannya soalan

1. Calon dikehendaki membincangkan kebaikan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada para pelajar dan negara seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu
 - malahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi, dan mampu menghadapi saingan pada peringkat global dan serantau.
 - sentiasa relevan dengan keperluan semasa.
 - mampu membentuk kemahiran tertentu yang bersesuaian dengan keperluan semasa dalam pasaran pekerjaan.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain – terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat KEPUJIAN
3. Calon menghuraikan kebaikan TVET kepada pelajar dan negara dengan menjurus kepada huraian yang berbeza dalam satu perenggan – terima seperti biasa
4. Calon menghuraikan kebaikan kepada pelajar sahaja atau kepada negara sahaja – maksimum peringkat KEPUJIAN

Cadangan isi :**PELAJAR**

1. Dapat meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan dalam bidang berkaitan
2. Melatih diri pelajar untuk berdikari dan mampu bersaing dalam melakukan sesuatu perkara
3. Membuka peluang kepada pelajar untuk mencuba sesuatu yang baru seperti mencipta sesuatu inovasi.
4. Pelajar lepasan TVET dapat membuka perniagaan sendiri yang relevan dengan keperluan semasa dan mencipta peluang pekerjaan kepada orang lain.

Idea lain yang relevan boleh diterima*NEGARA**

1. Melahirkan modal insan yang mampu menghadapi persaingan luar.
2. Menyediakan peluang pekerjaan berdasarkan keperluan semasa dalam pasaran pekerjaan.
3. Tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang berkaitan.
4. Mewujudkan golongan yang pakar dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan.

***Idea lain yang relevan boleh diterima**

[Lihat halaman sebelah]

Kerajaan bukan sahaja secara serius menggalakkan golongan muda terlibat dalam sektor pertanian tetapi turut mengajak graduan bersama-sama dalam usaha meremajakan industri penting negara ini. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, inisiatif dan galakan kerajaan itu juga sebenarnya adalah sebahagian usaha bagi mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan mahasiswa. Sehubungan dengan itu, menurutnya bagi merealisasikan hasrat itu kerajaan memperkenalkan Program Agropreneur Muda bermula tahun 2016 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Dipetik dan diubah suai daripada
'MOA Galak Graduan Ceburi Sektor Pertanian',
BERNAMA, 15 Jun 2020

SOALAN

Petikan akhbar di atas menerangkan bahawa bidang pertanian mampu mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan mahasiswa. Namun begitu, bidang pertanian kurang diminati oleh golongan belia kini.

Sarankan usaha-usaha yang harus dilakukan untuk menarik minat golongan muda dalam menceburι bidang pertanian ini.

Kehendak / tugasannya soalan :

1. Calon dikehendaki menyarankan **usaha-usaha yang** harus dilakukan untuk menarik minat golongan muda dalam menceburι bidang pertanian ini.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan idea daripada petikan sahaja – maksimum peringkat KEPUJIAN
2. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – terima seperti biasa
3. Calon menghuraikan usaha satu pihak sahaja – terima seperti biasa
4. Keseluruhan jawapan calon hanya menyarankan usaha tanpa impak / kesan terhadap generasi muda – maksimum peringkat BAIK
5. Calon tidak menyatakan pihak yang terlibat – maksimum peringkat KEPUJIAN

[Lihat halaman sebelah

Cadangan isi

1. mengubah persepsi golongan muda tentang pertanian
2. Kerajaan menawarkan peluang pekerjaan yang luas dalam bidang pertanian
3. Mengadakan kempen atau promosi berterusan
4. Menawarkan insentif atau bayaran gaji yang menarik
5. Memodenkan sistem pertanian negara
6. Menubuhkan kelab atau subjek pertanian di sekolah
7. Ibu bapa melatih anak-anak sejak kecil tentang ilmu pertanian

* Idea lain yang relevan boleh diterima.

4

Menjimatkan wang semasa zaman remaja memang sukar, terutamanya apabila anda mempunyai rakan yang gemar membeli pakaian baharu dan melakukan pelbagai aktiviti yang memerlukan perbelanjaan pada hujung minggu. Begitu pun, tidak mustahil untuk **remaja mengisi tabung peribadi**. Oleh itu, **remaja perlu bijak merancang dan mengetahui cara terbaik untuk berbelanja secara berhemat** dan tidak mustahil anda mampu merancang perbelanjaan serta kewangan pada usia muda. Walau bagaimanapun, remaja perlu **sentiasa mendapatkan nasihat daripada ibu bapa dalam merancang perbelanjaan**.

Sumber : Dewan Siswa, September 2008

SOALAN

Petikan majalah di atas menyatakan bahawa remaja perlu berhemat dalam berbelanja bagi mengisi tabung peribadi. Sebagai respons terhadap kandungan petikan di atas, golongan remaja perlu memainkan peranan yang penting dalam merancang perbelanjaan dan kewangan pada usia yang muda.

Sebagai remaja, jelaskan langkah-langkah yang perlu anda ambil dalam melaksanakan perbelanjaan berhemat

Kehendak / tugasannya :

Calon dikehendaki **menjelaskan langkah-langkah** yang perlu remaja ambil dalam melaksanakan perbelanjaan berhemat.

- remaja mengisi tabung peribadi
- remaja perlu bijak merancang dan mengetahui cara terbaik untuk berbelanja secara berhemat
- sentiasa mendapatkan nasihat daripada ibu bapa dalam merancang perbelanjaan.

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menjelaskan satu langkah sahaja – diterima seperti biasa
2. Calon melibatkan pihak lain – maksimum peringkat KEPUJIAN
3. Calon menggunakan isi dalam petikan dan isi luar- terima seperti biasa
4. Calon hanya menggunakan isi luar - maksimum peringkat KEPUJIAN

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Cadangan isi :

1. Mendapatkan bantuan daripada ibu bapa dengan membuka akaun simpanan bank.
2. Berbelanja dengan bijak dengan menitikberatkan antara keperluan mahupun kehendak.
3. Mendapatkan nasihat daripada ibu bapa dalam memastikan tabungan peribadi saya dapat diuruskan dengan baik.
4. Memisahkan perbelanjaan harian daripada simpanan.
5. Memeriksa dan merekod pembelian setiap hari supaya tabungan lebih sistematik.

*** Idea lain yang relevan boleh diterima.**

PERATURAN PEMARKAHAN TAMBAHAN TAMAT

